



**PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING**

Newspaper	Berita Harian
Date	10/5/2011

Laporan MBE ditransformasi jadi pelan tindakan

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata cadangan yang terkandung dalam laporan Model Baru Ekonomi (MBE) untuk merealisasikan Malaysia sebagai ekonomi berpendapatan tinggi, mampan dan inklusif, sedang ditransformasikan sebagai pelan tindakan.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, MBE yang memberi tumpuan terhadap lapan inisiatif reformasi strategik (SRI), akan dilaksanakan sepenuhnya bagi menjadikan Malaysia lebih kukuh dan kompetitif di dunia.

"Semua prinsip yang anda di muatkan dalam MBE adalah garis panduan yang sangat penting untuk kami. Ia adalah semua reformasi yang menjadikan Malaysia lebih kukuh dan bersaing secara lebih kompetitif di dunia," kata Najib pada jamuan tengah hari untuk anggota Majlis Penasihat Ekonomi (NEAC), di pejabatnya di sini.

NEAC diwujudkan dua tahun lalu bagi menjalankan kajian dan mengenal pasti usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai ekonomi berpendapatan tinggi.

NEAC dalam laporan keduanya, menetapkan 53 dasar penting untuk menangani halangan pengurangan kos untuk Malaysia menjadi ekonomi berpendapatan tinggi, mampan dan inklusif menjelang 2020.

Ia menetapkan lapan SRI dikenal pasti dalam bahagian satu laporan yang menekankan modal insan berkemahiran tinggi, perkhidmatan awam yang cekap, mencergaskan sektor swasta dan peluang saksama untuk semua rakyat Malaysia.

MBE dirangka bersama-sama program lain seperti Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi, Bidang Keberhasilan Utama Negara, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan Belanjawan 2011, bagi menyokong objektif kerajaan mencapai status negara maju.

Najib berkata, setiap inisiatif itu kini diselaraskan dengan setiap cadangan dikaji dan dilaksanakan.

"Ramai rakyat memberi tumpuan terhadap ETP kerana ia lebih menarik dan boleh melihat angka dan peluang. Orang ramai boleh melihat pelaburan berimpak tinggi dan pekerjaan baru diwujudkan.

"Namun tanpa SRI, anda tidak dapat bergerak pada tahap dikehendaki," katanya.

Beliau berterima kasih kepada anggota NEAC atas perkhidmatan dan sumbangan dalam menyediakan laporan MBE itu. - BERNAMA